




**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **85 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **52,064 kes**. Tiada kes kematian direkodkan pada hari ini.
  
  
  
  
  
  
- 2 Pada hari ini, seramai 156 pesakit COVID-19 telah discaj / sembah dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembah 50,592 orang. Pada hari ini juga sejumlah 850 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 309 orang di hospital, 538 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan tiga (3) orang lagi di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 50 orang dan 13 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada pertambahan zon merah direkodkan hari ini.

- 4 Pada hari ini, tiada **kluster** baharu dilaporkan.
- 5 Daripada 85 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 44 kes (51.8%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 13 kes (15.3%), saringan kluster sedia ada 15 kes (17.6%), PERKESO empat (4) kes (4.7%) dan sembilan (9) kes (10.6%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di hospital COVID-19 kekal 925 unit, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam berjumlah 3,935 unit dan jumlah katil di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara pula 1,000 unit. Ini menjadikan jumlah kapasiti katil ialah 5,860 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 14.51%.

## B BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Sehingga 21 Februari 2021, sejumlah **131,000** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan dibawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

**C LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS***

- 1 Dalam tempoh 24 jam, sebanyak 47 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 26,957 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 10 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, tiada tangkapan dibuat namun 18 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 73 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang melibatkan sebanyak 220 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 52 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Pada hari ini, tiada tangkapan dibuat.
- 3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan rondaan pemantauan pematuhan SOP peringkat komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) telah dilaksanakan di 370 lokasi melibatkan seramai 167 anggota APM dan 145 anggota RELA.
- 4 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di enam (6) premis, melibatkan tiga (3) buah daerah iaitu daerah Kota Kinabalu, Keningau dan Kuala Penyu.
- 5 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 118 lokasi melibatkan 13 daerah. Hebahan dibuat dalam Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin, Bahasa Inggeris dan pelbagai bahasa etnik Sabah.
- 6 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 310 hebahan di seluruh Sabah.

**D KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP pada hari ini ialah **92.93%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	94%
2	Kunak	94%
3	Sipitang	94%
4	Ranau	94%
5	Kudat	94%
6	Tenom	93.5%
7	Kota Belud	93.5%
8	Tuaran	93%
9	Penampang	93%
10	Beluran	93%
11	Keningau	93%
12	Papar	93%
13	Sandakan	92%
14	Tawau	92%
15	Beaufort	92%
16	Lahad Datu	92%
17	Kota Kinabalu	92%
18	Kinabatangan	92%
19	Kota Marudu	92%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan **kompaun RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.

#kitajagakita #normabaharu

**Sekian.**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
21 Februari 2021**